

## KERAJAAN AWAL BRUNEI

*Dato Paduka Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif  
Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan*

### Pendahuluan

Kerajaan ialah negeri yang pemerintahannya diketuai oleh seorang ketua atau raja. Brunei adalah kerajaan beraja atau bersultan. Sekarang nama raja atau sultannya ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibnu Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Baginda juga adalah ketua negara dan ketua agama Islam.

Menurut ahli-ahli sejarah kerajaan awal Brunei diasaskan oleh pecahan kerajaan Melayu Funan di Kemboja. Tatkala Kerajaan Funan ditakluki oleh orang Khmer, raja Funan dan pengiring-pengiring baginda telah melarikan diri ke Borneo. Di Borneo ia mendirikan kerajaan di Brunei.

Pengembara-pengembara Arab menamakan kerajaan baharu ini sebagai Kamrun, iaitu mengambil sempena nama rajanya, Raja Kamrun. Kemudian nama Kamrun ini disebut juga oleh mereka dengan panggilan Muja atau Zabaj atau Zabaji. Lepas itu baharulah mereka menamakannya dengan nama Barni atau Brunei.

Pada masa Raja Sailendra menakluki Seriwijaya, beberapa orang putera-putera raja Seriwijaya dan pengiring-pengirinya telah melarikan diri ke Borneo. Antaranya ada yang datang ke Brunei. Ketika di Brunei mereka telah merampas Kerajaan Kamrun atau Zabaji. Rakyat dan pengikut setia Kamrun pun melarikan diri ke pedalaman, dan membentuk masyarakat pedalaman.

Boleh jadi mereka inilah yang menurunkan raja-raja Murut dan raja-raja Bisaya.

Menurut sejarah China zaman Dinasti Liang (TM 502-566), Dinasti Sui (TM 581-617), Dinasti T'ang (TM 618-906), Dinasti Sung (TM 960-1279) dan Dinasti Ming (TM 1364-1644). Kerajaan awal Brunei dinamakan P'oli atau P'olo atau P'oni (Puni) atau Bun-lai atau Wen-lai. Sejarawan berpendapat nama-nama ini adalah pelat orang China menyebut Brunei. Kerajaan ini duduknya di sebuah pulau di Selatan Chuan Chou. Jika hendak ke Brunei mesti belayar menggunakan kapal. Jalan Laut itu dinamakan ‘jalan sutera laut’ atau ‘jalan rempah’, iaitu:

Pertama: dari Chuan Chou belayar ke Barat Daya, menyusuri pantai Vietnam lalu ke Champa. Dari Champa menyeberang ke Tan Tan (Kelantan). Dari Tan Tan belayar ke arah Timur baharu sampai ke Brunei.

Kedua: dari Chuan Chou belayar ke selatan, menyeberang ke Mait (Seludang). Dari Mait ke Palawan. Dari Palawan belayar ke arah Barat Daya baharu sampai ke P'oni (Brunei).

Pada TM 977, raja P'oni atau Brunei bernama Hiang-ta, baginda pernah menghantar utusan ke China. Utusan ini diketuai oleh Abu Ali, Syeikh Noh dan Qadi Kasim. Mereka membawa surat dan barang-barang pesambah untuk Maharaja China. Nama P'oni atau Puni ini hingga sekarang masih ada di Brunei, terletak di Daerah Temburong.

Menurut *Syaer Awang Semaun*, kerajaan tua Brunei didirikan oleh keluarga Awang Alak Betatar di Garang. Dari Garang baru pindah ke Kota Batu pada TM 1397.

### **Asal-Usul Nama Brunei**

Menurut sejarawan asal-usul nama Brunei ialah daripada perkataan sanskrit ‘Bhruni’, erti tanah atau negeri. Ada juga yang menyebutnya ‘Varunai’, bererti orang laut yang hidup menguasai laut.

Orang India pula menyebut Brunei dengan nama ‘Kapuradvipa’, bererti negeri yang mengeluarkan kapur barus. Manakala orang Jawa menamakan Brunei dengan nama Buruneng.

Orang tua-tua Brunei menyatakan, Brunei berasal daripada perkataan ‘baru nah’, bererti baik dan sesuai dengan yang dicita-citakan. Perkataan ‘baru nah’ ini muncul ketika satu rombongan Puak Sakai diketuai oleh Pateh Berbai dititahkan oleh Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar) mencari penempatan baru untuk membuat negeri baharu.

Pada masa rombongan Pateh Berbai sampai di suatu tempat yang terletak di tepi Sungai Brunei, mereka dapati kawasan itu cantik dan subur, diapit oleh bukit. Barang-barang makanan seperti ikan, buah-buahan dan air minum mudah diperolehi. Melihat keadaan yang indah dan menarik itu; Pateh Berbai pun memberitahu anak buahnya ‘baru nah’, yang maksudnya tempat itu indah, baik tempat berbuat negeri. Lama kelamaan ‘baru nah’ itu berubah sebutannya menjadi Brunei.

Dalam sejarah China, orang China mengenali Brunei dengan nama P‘oli atau P‘olo atau P‘oni (Puni). Dalam TM 1397, barulah P‘oli atau P‘olo atau P‘oni itu disebut oleh mereka dengan nama Brunei.

Oleh kerana tulisan China tidak dapat menggambarkan nama Brunei dengan betul, dan lidah orang China pula tidak dapat menyebut huruf ‘›’ atau ‘r’ dengan sempurna, maka mereka pun mempelatkan nama Brunei dengan panggilan Wen-lai atau Bun-lai.

Orang Barat atau Eropah yang pernah datang ke Kepulauan Alam Melayu seperti Portugis, Sepanyol, Itali, Belanda, Perancis, Amerika dan Inggeris menyebut Brunei menurut pelat masing-masing, iaitu Bornei, Burneu, Pornei, Bruneo, Burne, Purne, Bornui atau Burni. Tetapi walau bagaimanapun sebutan yang lebih masyhur ialah Borneo.

## Kerajaan Tua Brunei

Brunei adalah sebuah kerajaan tua di Kepulauan Alam Melayu. Ia beriring dengan kerajaan-kerajaan Palembang Tua, Kerajaan Taruma Negara, Kerajaan Perlak, Kerajaan Pasai, Kerajaan Melaka, Kerajaan Gersik dan Kerajaan Demak.

Kerajaan P‘oli atau Brunei mula diceritakan dalam sejarah China pada TM 518. Duduknya di sebuah pulau di tenggara Canton. Jarak pelayaran dari Canton ke Brunei kira-kira 60 hari.

Disebutkan dalam sejarah China, Kerajaan Brunei ketika itu beragama Hindu-Budha, memerintah 136 buah daerah. Pada TM 518, Raja Brunei telah

menghantar utusan ke China untuk mengeratkan hubungan persahabatan dan perniagaan. Utusan ini membawa barang-barang pesambah seperti tikar emas dan lain-lain hasil negeri untuk Maharaja China.

Lima tahun kemudian, iaitu pada TM 523, Raja Brunei menghantar lagi utusannya ke China. Utusan ini juga membawa barang-barang pesambah untuk Maharaja China. Antara lain barang-barang pesambah itu ialah kerang-kerangan laut, wangi-wangian dan lain-lain barang hasil negeri.

Kira-kira pada TM 669, sekali lagi Raja Brunei menghantar utusan ke China bersama-sama dengan utusan Siam. Pada masa itu Brunei disebut dalam sejarah China sebagai P'olo.

Diceritakan juga dalam sejarah China, P'oli atau P'olo sama dengan P'oni (Brunei), duduknya di sebuah pulau, di sebelah Barat Daya, Chuan-Chou. Jauh dari P'oni ke Jawa 45 hari pelayaran. Dari P'oni ke Palembang 40 hari pelayaran, dan dari P'oni ke Champa 30 hari pelayaran.

Dalam sejarah Dinasti Sung (TM 960-1279), Puni atau Brunei ialah sebuah negeri yang besar dan kuat, memerintah 14 buah daerah. Brunei juga disebutkan mempunyai 100 buah kapal perang. Rakyatnya gagah perkasa. Kalau berperang, mereka menggunakan pedang, tombak dan memakai baju perang yang dibuat daripada tembaga. Baju perang ini berguna untuk melindungi badan daripada serangan musuh.

Tanah Brunei sangat subur. Pekerjaan penduduknya bertanam padi untuk makanan. Ada juga yang memelihara kambing, ayam dan menangkap ikan. Kaum perempuanya pandai bertenun kain, menganyam tikar, membuat bakul dan kemahiran kraftangan yang lain.

Ibu negeri Brunei dilingkungi oleh kota kayu dengan penduduknya kira-kira 10,000 orang. Istana Raja Brunei beratapkan daun nipah begitu juga dengan rumah penduduknya.

Pada TM 977, seorang saudagar China berbangsa Arab bernama P'u-lu-shieh (Fairuz Shah) telah datang berniaga ke Brunei. Beliau disambut oleh raja dan penduduk Brunei dengan mesra. Pada masa P'u-lu-shieh balik ke China, Raja Brunei meminta beliau untuk memandu utusan baginda mengadap Maharaja China.

Permintaan Raja Brunei itu diterima baik oleh P'u-lu-shieh. Utusan Raja Brunei itu diketuai oleh Abu Ali (Pu Ya Li), Syeikh Noh (Shih-Nu) dan Qadi Kasim (Koh-shin). Mereka membawa surat dan barang-barang pesambah

untuk Maharaja China. Antara lain barang-barang pesambah itu ialah 100 kulit kura-kura, kapur barus, lima keping gaharu, tiga dulang cendana, kayu raksamala dan enam batang gading gajah. Manakala isi surat yang disembahkan kepada Maharaja China itu antara lain ialah:

- Pertama: memberitahu mengenai kedatangan P'u-lu-shieh ke Brunei dan telah membantu membaiki kapal P'u-lu-shieh yang rosak.
- Kedua: menghantar utusan mengadap Maharaja China sebagai wakil baginda untuk menyembahkan barang-barang pesambah daripada baginda.
- Ketiga: meminta jasa baik Maharaja China untuk memberitahu Kerajaan Champa supaya memelihara keselamatan kapal-kapal Brunei yang terdampar ke Champa kerana dipukul ribut.

Semenjak tarikh itu, hubungan Brunei dengan China pun bertambah erat dan akrab.

### **Brunei Dalam Riwayat China**

Menurut sejarah Dinasti Liang (TM 502-566), Sejarah Dinasti Sui (TM 589-618), Sejarah Dinasti T'ang (TM 618-906) dan Sejarah Dinasti Sung (TM 960-1279), Brunei mempunyai hubungan persahabatan yang baik dengan China.

Raja kedua-dua buah negeri, iaitu Brunei dan China sering menghantar utusan dengan membawa surat dan barang-barang pesambah hasil negeri masing-masing. Ahli-ahli pelayaran yang berdagang pun begitu juga mereka datang membawa barang-barang dagangan di pelabuhan kedua-dua buah negeri itu untuk urusan perniagaan.

Pada zaman pemerintahan Dinasti Yuan (TM 1260-1368), hubungan Brunei dengan China renggang. Waktu itu raja-raja China suka berperang dan meluaskan jajahan takluk. Pada TM 1292, semasa Kublai Khan memerintah China. Baginda telah menghantar angkatan perang yang diketuai oleh Jeneral Su P'e ke Kepulauan Alam Melayu. Tujuannya hendak menyerang negeri-negeri di sebelah Kepulauan Alam Melayu termasuk Brunei. Pada masa mereka menyerang Brunei, mereka telah dapat dikalahkan oleh perwira-perwira Brunei yang gagah berani.

Orang China yang kalah perang itu, malu hendak balik ke negeri asalnya. Oleh itu mereka pun meminta kebenaran daripada Raja Brunei untuk menetap

di lembah Kinabatangan, sebuah wilayah Raja Brunei di Sabah. Permohonan itu diperkenankan oleh Raja Brunei. Sejak itulah mereka diam dan membuat penempatan di sana.

Sejarah Dinasti Ming (TM 1368 – 1643) meriwayatkan pada TM 1370 utusan Maharaja China yang pergi ke Jawa telah singgah di Brunei. Utusan Maharaja China ini diketuai oleh Sin Tze dan Chang Ching Tze. Menurut Sin Tze, nama Raja Brunei itu ialah Mahamosa, iaitu pelat orang China bagi menyebut Sultan Muhammad Shah. Perwatakan baginda gagah, garang dan berani.

Diceritakan juga oleh Sin Tze, pertahanan Brunei waktu itu lemah, kerana dibinasakan oleh Suluk. Sin Tze menasihati Raja Brunei supaya berlindung dan menghantar ufti ke China. Sultan Muhammad Shah tidak mahu, kerana Brunei miskin dan masih menghantar ufti ke Majapahit.

Oleh kerana utusan Maharaja China pandai memujuk dan penerangannya masuk akal, maka demi masa depan Brunei, baginda pun bersetuju menghantar utusan ke China. Pada TM 1371, utusan baginda pun belayar ke China bersama-sama utusan Maharaja China yang balik selepas melawat Jawa.

Utusan Sultan Muhammad Shah ini diketuai oleh seorang pegawai bernama Ismail. Mereka membawa surat dan barang-barang pesambah untuk Maharaja China. Antara lain barang-barang pesambah itu ialah penyu hidup, kapur barus, burung merak dan bermacam-macam jenis wangi-wangian. Maharaja China gembira menerima utusan itu. Mereka dilayan dengan baik dan diberi hadiah menurut taraf masing-masing.

Pada zaman pemerintahan Hung-wu (TM 1368-1398), hubungan Brunei dengan China makin bertambah erat. Pada TM 1375, salah seorang daripada putera Diraja China, bernama Ong Sum Ping telah datang ke Brunei. Setelah beberapa lama diam di Brunei, ia pun berkahwin dengan Puteri Ratna Dewi, Puteri Sultan Muhammad Shah. Selepas berkahwin beliau pun digelar menjadi Pengiran Maharaja Lela. Manakala adik Ong Sum Ping pula telah berkahwin dengan Pengiran Bendahara Pateh Berbai.

Pada TM 1397, sewaktu China diperintah oleh Maharaja Chien-wen (TM 1399-1402). Utusan Sultan Muhammad Shah telah datang ke China bersama-sama dengan utusan dari Annam, Siam, Jawa, Palembang dan Pahang. Utusan Sultan Muhammad Shah kali ini bukan lagi disebut utusan P'oni tetapi utusan Brunei. Sebab pada masa itu kerajaan Brunei telah pindah ke Kota Batu.

Pada TM 1402, raja yang memerintah Brunei ialah Manajekana bukan lagi Mahamosa atau Sultan Muhammad Shah. Manajekana itu adalah Sultan Abdul Majid. Pada TM 1403, Sultan Abdul Majid telah menghantar utusan mengadap Maharaja China. Tujuannya hendak memberitahu Maharaja China, tentang kemangkatan ayahandanya, Sultan Muhammad Shah.

Pada TM 1405, Sultan Abdul Majid menghantar lagi utusan ke China. Tujuannya untuk meminta pengiktirafan perpuspaan baginda daripada Maharaja China. Maharaja China gembira menerima penghormatan ini, dan pada tahun itu juga Maharaja China telah menghantar utusan rasmi ke Brunei diketuai oleh Cheng Ho. Utusan ini membawa cop Mohor Diraja dan barang-barang pesambah sebagai limpah kurnia Maharaja China kepada Sultan Abdul Majid.

Pada masa Brunei di bawah pemerintahan Sultan Abdul Majid ini, hubungan Brunei dengan China makin bertambah erat. Untuk merapatkan lagi hubungan itu, pada bulan Ogos 1408, Sultan Abdul Majid bersama rombongan seramai 150 orang ahli keluarga baginda telah berangkat ke China. Tetapi dukacitanya setelah dua bulan diam di China, pada bulan Oktober 1408, baginda gering dan mangkat sewaktu berusia 28 tahun. Layuan baginda disemadikan di lereng sebuah bukit bernama Shih-tzu Kang, Nanking (Nanjing).

Untuk menunaikan wasiat Sultan Abdul Majid, Maharaja China telah menobatkan Hsia-wang, iaitu putera Sultan Abdul Majid menjadi Raja Brunei. Setelah diam setahun di China, Hsia-wang dan rombongan pun berangkat balik ke Brunei, dihantar oleh beberapa orang pegawai China dengan diketuai oleh Chong Chien. Semasa Hsia-wang berada di China takhta kerajaannya telah dipangku oleh nenda saudaranya iaitu Pengiran Bendahara Pateh Berbai, bergelar Sultan Ahmad, lagipun pada ketika itu usia Hsia-wang baru 4 tahun.

Antara TM 1415 hingga TM 1425, hubungan Brunei dengan China berjalan dengan baik. Pada tahun-tahun yang disebutkan, Brunei telah menghantar 4 kali utusan ke China. Tetapi selepas TM 1425, hubungan Brunei dengan China itu menjadi renggang dan pada TM 1530 barulah Brunei menghantar utusan ke China bersama utusan-utusan dari Siam, Champa dan Jawa.

## Brunei Dalam Riwayat Arab

Pengembara-pengembara Arab yang pernah belayar ke Kepulauan Alam Melayu, mengenali Brunei dengan nama Kamrun atau Muja, duduknya di sebelah timur Jawa dan di Barat Daya Mait atau Seludang (Luzon).

Pengembara-pengembara Arab lain pula menyebutnya dengan nama Zabaj atau Zabaji, iaitu negeri pengeluar kapur barus. Zabaj atau Zabaji ini terletak berhampiran dengan Pulau-Pulau Seribu (Filipina).

Ibnu Majid, salah seorang daripada ahli pelayaran Arab yang pernah belayar ke Kepulauan Alam Melayu, menyebut Zabaj atau Zabaji ini dengan nama Barni (Brunei). Begitu juga, Laut China Selatan yang pernah mereka layari ketika hendak ke China, telah mereka namakan juga dengan nama Laut Barni (Laut Brunei).

Disebutkan oleh pengembara-pengembara Arab itu bandar negeri ini terapong di atas air. Cuacanya panas, dan pasang surutnya dua kali sehari. Di negeri ini didapati burung merak, monyet dan burung kakak tua yang boleh bercakap. Warna bulunya putih, merah dan kuning. Manakala hasilnya antara lain ialah kapur barus, emas, rempah, buah pala dan cendana.

Menurut pengembara-pengembara Arab juga Brunei adalah sebuah kerajaan yang besar di Kepulauan Alam Melayu. Ia mempunyai angkatan perang yang kuat. Pengkalan lautnya ditempatkan di kuala-kuala sungai yang penting, diketuai oleh seorang Pengiran dan beberapa orang pengikutnya. Mereka inilah yang mengawal keselamatan dan keamanan rakyat dan negeri.

Penduduk Brunei kebanyakannya menetap di sekitar teluk Brunei. Pekerjaan mereka ada yang menjadi nelayan dan petani. Ada juga yang menjadi pelaut yang mahir, pahlawan yang gagah berani, dan peniaga yang berjaya.

Pelabuhan Brunei menurut pengembara-pengembara Arab adalah pelabuhan yang aman, terlindung dan kaya. Berbagai-bagai bangsa yang datang bermiaga di pelabuhan Brunei. Selain daripada peniaga-peniaga Arab, terdapat juga peniaga-peniaga dari China, Jawa, Siam, Palembang, Kelantan, Pahang, Kemboja, Makasar, Pattani, Suluk dan lain-lain.

Barang-barang yang diniagakan di pelabuhan Brunei pada masa itu antara lain ialah kapur barus, batu permata, lilin (wax), madu lebah, mutiara, emas, rempah ratus, tembikar, sutera, timah, rotan dan barang-barang makanan.